



**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

**1. JAWATAN : PEMBANTU TADBIR KEWANGAN
(GRED W1)**

TARAF JAWATAN : Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (interim)

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : Kewangan

SKIM PERKHIDMATAN : Pembantu Tadbir (Kewangan)

KUMPULAN PERKHIDMATAN : Pelaksana

PENEMPATAN : Ibu Pejabat, Putrajaya

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,500.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,561.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,561.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,622.00); atau
- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,622.00).

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.

5. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

Permohonan adalah secara dalam talian melalui *Tourism Malaysia Recruitment System*. Berikut adalah panduan ringkas bagi memohon:

- a) Log in dipautan:
<https://tourism-recruit.senanghr.com/>
- b) Pendaftaran Akaun Baharu > Lengkapkan Maklumat Pendaftaran > Tetapkan **Kata Laluan** > klik butang **Daftar Akaun**.
- c) Setelah pendaftaran berjaya, log masuk dan pemohon boleh ke langkah seterusnya dengan melengkapkan maklumat serta memuat naik dokumen berdasarkan senarai semak seperti yang dikehendaki.
- d) Pilih jawatan yang ingin dimohon.
- e) Gambar yang dimuat naik hendaklah menggunakan gambar passport terkini. **Selain daripada gambar passport tidak dibenarkan.**
- f) Tarikh tutup permohonan ialah pada **20 Jun 2025 (Jumaat)**

6. CATATAN AM

- a) Calon yang berjaya melepasi tapisan kelayakan akan dimaklumkan **secara rasmi** melalui e-mel.
- b) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah dianggap **tidak berjaya**.
- c) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mel kepada pelantikan@tourism.gov.my

***** SEKIAN, TERIMA KASIH *****

SENARAI SEMAK & SERAH DOKUMEN PERMOHONAN JAWATAN

Pemohon hendaklah memuat naik dokumen-dokumen **mengikut susunan berikut:**

BIL	PERKARA	ADA / TIADA	CATATAN
1	Salinan Kad Pengenalan (Hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis "KEGUNAAN TOURISM MALAYSIA SAHAJA")		
2	Salinan Sijil Kelahiran		
3	Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan (<i>mana yang berkenaan</i>)		
4	Salinan Sijil Tamat Persekolahan Menengah		
5	Gambar Pasport terkini		
6	Dihadkan lima (5) sijil kegiatan sukan atau ko-kurikulum yang difikirkan terbaik		

ARAHAN:

- Salinan sijil perlulah **diakui sah benar** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- Ke semua dokumen di atas hendaklah **dimuat naik** semasa permohonan dibuat.
- Sekiranya **permohonan ini tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria** yang telah ditetapkan, Tourism Malaysia **berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan ini.**

Dikemaskini pada 5 Jun 2025